

Syor wujudkan 13 Akta Penghinaan **Mahkamah** diteliti

UM - 2 JAN 2000

KUALA LUMPUR 1 Jan. - Kerajaan sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan Akta Penghinaan Mahkamah (APM), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim.

Menurutnya, langkah itu sejajar dengan cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya APM digubal.

"Akta ini penting kerana terdapat pengamal undang-undang di mahkamah menghina pihak lain yang tidak ada peluang untuk mempertahankan diri," katanya.

Dr. Rais memberitahu demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis penyampaian zakat dan bantuan Aidilfitri kepada 309 penerima anjuran UMNO Bahagian Cheras di Jalan Peel di sini, hari ini.

Menurut beliau, tugas untuk merealisasikan APM itu sejajar dengan portfolionya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan dalam hal ehwal perundangan.

Dr. Rais berkata, beliau akan mengadakan pertemuan secepat mungkin dengan Majlis Peguam Malaysia bagi meneliti cadangan ke arah mewujudkan APM itu.